

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HKN 404 - Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Persejarahan

Tarikh: 12 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan sahaja, sekurang-kurangnya SATU(1) soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan bagaimana kerja-kerja menulis sejarah kesusasteraan dapat dilaksanakan dengan lebih bermenfaat sekiranya pengetahuan mengenai teori dan kritikan sastera itu diminati dan dikuasai oleh ahli sejarawan sastera.
2. Pada pendapat anda apakah masalah-masalah yang tidak dapat tidak harus ditemui oleh seorang sejarawan kesusasteraan di dalam menulis satu sejarah kesusasteraan. Sejauh manakah keadaan kajian kesusasteraan di Malaysia ini menyenangkan atau sebaliknya menyukarkan usaha-usaha menulis sebuah sejarah kesusasteraan yang lengkap?
3. Apakah unsur-unsur yang perlu ditimbulkan di dalam satu-satu tulisan sejarah kesusasteraan? Berikan satu huraian terperinci, dengan contoh-contoh dari kesusasteraan tempatan, mengenai tiga (3) daripada ciri-ciri yang anda kemukakan.

BAHAGIAN B

4. Dari kajian terhadap kesusasteraan Melayu tradisi dapat dikesan bahawa perubahan kebudayaan dan nilai-nilai ugama di dalam masyarakat Melayu telah menghasilkan pertumbuhan-pertumbuhan baharu di dalam kesusasteraan. Berikan penilaian anda terhadap kenyataan tersebut di atas.

5. Karya R.O. Winstedt, The History of Classical Malay Literature, merupakan satu-satunya bahan rujukan yang digunakan secara meluas mengenai perkembangan kesusasteraan Melayu tradisi. Pada pandangan anda sejauh manakah karya ini benar-benar memenuhi kehendak sebuah buku sejarah kesusasteraan yang sebenarnya?
6. Ismail Hussein telah mencadangkan di dalam bukunya The Study of Traditional Malay Literature, bahawa pensejarahan sastera Melayu tradisi hanya boleh dilakukan setelah kerja-kerja filologi dilaksanakan sepenuhnya. Pada fikiran anda apakah pandangan Ismail Hussein ini dapat diterima sebagai menasabah. Sekiranya tidak beri cadangan bagaimana sebuah sejarah kesusasteraan Melayu tradisi dapat dilaksanakan walaupun kerja-kerja filologi itu masih lembab.

BAHAGIAN C

7. Pengenalan alat-alat cetak di dalam kesusasteraan Melayu pada umumnya telah diterima sebagai sempadan di antara sastera Melayu lama dan baru. Sejauh manakah gagasan ini dapat diterima sebagai satu gagasan yang kokoh dan bersandarkan kepada hujahan yang ilmiah? Selanjutnya jelaskan sikap anda terhadap gagasan ini berdasarkan kepada kefahaman anda mengenai periodisasi di dalam perkembangan kesusasteraan.
8. Tunjukkan perbezaan di antara konsep angkatan kesusasteraan dan golongan penulis. Sejauh manakah konsep-konsep ini berfungsi di dalam menerangkan perubahan-perubahan atau melahirkan sumbangan-sumbangan bagi satu-satu zaman di dalam satu-satu sejarah kesusasteraan?
9. Di antara masalah-masalah utama di dalam menyusun satu sejarah kesusasteraan Melayu baru ialah hal yang berkaitan dengan jenis-jenis kesusasteraan (literary genre). Huraikan masalah-masalah ini. Pada pandangan anda apakah pentakrifan semula perlu dibuat bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.